

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2023
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

**Tarikh : 17 Februari 2023
Masa : 3.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Jabatan Landskap Negara**

HADIR:

Wakil Pengurusan

1. Encik Roslee bin Abdullah – Pengerusi
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
2. Encik Mansor bin Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
3. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pekerja

1. Encik Saharudin bin Abu Rohan – Pengerusi Bersama
Pengarah, Arkitek Landskap
Bahagian Pengurusan Landskap
2. Encik Harshah bin Haris
Penolong Pengarah, Arkitek Landskap
Bahagian Taman Awam
3. Puan Sakinah binti Che Yunus
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Taman Persekutuan
4. Puan Nur Shazwana binti Ishak
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
5. Encik Meor Yusro bin Meor Saadon Sofian
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal
6. Encik Yazid bin Abu Kasim
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Unit Integriti

Urus Setia

1. Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Cik Noor Azmah binti Kamaruddin
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Encik Muhammad bin Abdul Latif
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan

**– Setiausaha
Pihak Pegawai**

TURUT HADIR:

1. Encik Muhammad Safeer bin Rosli
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Teknikal

**– Pengerusi
KEKSAR JLN**

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Wakil Pengurusan

1. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Wakil Pekerja

1. Puan Irdazulfa binti Ithnin
Penolong Pengarah Kanan, Arkitek Lanskap
Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan
2. Puan Norhana binti Mohamad Noor
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Bahagian Pembangunan Lanskap
3. Puan Fariza Hanim binti Muhamad Jamil
Penolong Arkitek Lanskap Kanan
Bahagian Pembangunan Lanskap
4. Puan Norhanida binti Jamaludin
Penolong Arkitek Lanskap
Bahagian Pembangunan Lanskap

**– Setiausaha
Pihak Pekerja**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 Tuan Pengurus mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 1 Tahun 2023.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2022 bertarikh 8 November 2022 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pengurusan Fail

- 3.1.1 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) untuk menjadikan Bilik Fail Pusat di Aras 8 sebagai Bilik Fail Tutup Pusat bagi semua bahagian di JLN.

- 3.1.2 Mesyuarat turut dimaklumkan BKP akan memohon peruntukan untuk tahun 2024 bagi perolehan aset fail, sekiranya cadangan tersebut diluluskan oleh pengurusan tertinggi JLN.

Makluman

3.2 Kad Akses dan Tuntutan Parkir Berbayar Blok F10

- 3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa arahan penggunaan pelekat kenderaan di Parcel F, Putrajaya telah dikuatkuasakan oleh BPH bagi mengawal pergerakan keluar masuk ke kawasan kompleks ini.

- 3.2.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa BKP telah menerima pelekat kenderaan tersebut daripada BPH dan agihan kepada semua warga JLN akan dibuat sebaik sahaja nombor siri pelekat kenderaan tersebut selesai didaftarkan.

- 3.2.3 Manakala berkenaan kad akses, tiada arahan pelaksanaan diterima setakat ini memandangkan BPH masih mengkaji pelaksanaan kad akses tersebut.

Makluman

3.3 Lantikan Jawatankuasa dan Pendaftaran Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN

- 3.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa jawatankuasa Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN sesi 2023-2025 telah dilantik pada Mesyuarat Agung Kelab yang diadakan pada 10 Februari 2023.
- 3.3.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak Kelab akan mengadakan perbincangan lanjut berkenaan cadangan pendaftaran ROS serta cadangan pindaan perlembagaan kelab dalam satu mesyuarat khas.

Tindakan: Pengerusi KEKSAR

3.4 Permohonan Pengeluaran Stok

- 3.4.1 Mesyuarat dimaklumkan pengeluaran stok adalah pada setiap hari Khamis dan Jumaat manakala pada setiap hari Isnin sehingga Rabu adalah hari permohonan dan pengiraan stok.
- 3.4.2 Mesyuarat juga dimaklumkan pada tahun ini BKP akan mengedarkan kertas A4 kepada bahagian berdasarkan permohonan bahagian dan juga baki semasa stok.
- 3.4.3 Mesyuarat turut dimaklumkan BTM sedang menyediakan spesifikasi dan kuantiti toner yang diperlukan oleh Jabatan bagi tahun 2023. Sehubungan dengan itu BTM akan bekerjasama dengan BKP bagi memastikan peruntukan mencukupi bagi perolehan toner tersebut.

Tindakan: P/U dan P/TM

4.0 USUL-USUL BAHARU

4.1 Kemudahan Parkir

- 4.1.1 Mesyuarat diminta mengkaji semula polisi parkir JLN sedia ada yang hanya menyediakan parkir khas kepada pegawai JLN gred 44 ke atas.
- 4.1.2 Mesyuarat turut diminta mempertimbangkan kemudahan lot parkir kepada pegawai JLN yang mengandung.

4.1.3 Mesyuarat bersetuju BKP mengkaji semula dasar parkir sedia ada. Mesyuarat turut dimaklumkan pegawai mengandung dan juga pegawai yang menghidapi sakit kronik boleh memohon lot parkir khas daripada BKP, melalui Pengarah masing-masing.

Tindakan: P/U

4.2 Permohonan Menaiktaraf Talian Telefon

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan terdapat pegawai yang hanya mempunyai akses membuat panggilan telefon sekitar Lembah Klang sahaja. Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan menaiktaraf talian telefon pegawai supaya boleh membuat panggilan ke talian tetap di seluruh Malaysia.

4.2.2 Mesyuarat dijelaskan bahawa pegawai yang berkaitan perlu membuat permohonan ke BKP melalui Pengarah masing-masing, untuk dipanjangkan ke PBSB Sdn. Bhd.

Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Lantikan Wakil Pihak Pekerja Sesi 2023-2025


5.1.1 Mesyuarat dimaklumkan mesyuarat kali ini adalah mesyuarat terakhir bagi wakil Pihak Pekerja sesi 2021-2023. Mesyuarat turut dimaklumkan pemilihan wakil Pihak Pekerja bagi sesi 2023-2025 akan diadakan selewat-lewatnya pada awal bulan April 2023.

Makluman

6.0 PENUTUP


6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 4.15 petang.

Disediakan oleh:



WAN ZAFIRAH HANIM BINTI WAN MOHAMAD

Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



FARIZA HANIM BINTI MUHAMAD JAMIL

Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN